

Rujukan Kami : UPM/PEND-5.1

Tarikh : 27 Julai 2006

## **Pekeliling Pendaftar Bilangan 2 Tahun 2006**

### **Sistem Kawalan dan Keselamatan Kampus UPM**

---

#### **1. Tujuan**

Tujuan Pekeliling ini ialah untuk mengumumkan kepada semua kakitangan dan pelajar Universiti Putra Malaysia mengenai sistem kawalan dan keselamatan kampus Universiti Putra Malaysia.

#### **2. Makluman Am**

Berkuatkuasa serta merta semua kakitangan dan pelajar UPM adalah diwajibkan mempamerkan kad kakitangan/kad pelajar masing-masing sepanjang tempoh berada dalam kawasan Kampus UPM. Pada masa yang sama setiap pelawat memasuki kawasan Kampus UPM adalah diwajibkan memakai kad pelawat yang akan diberikan oleh Pengawal Keselamatan yang bertugas di pintu masuk ke Kampus.

#### **3. Implikasi Pelaksanaan**

- 3.1 Peraturan ini bertujuan memastikan hanya mereka yang berkenaan atau mereka yang mempunyai urusan rasmi yang dibenarkan oleh pihak Universiti sahaja berada di kawasan Kampus;
- 3.2 Bagi mengelakkan sebarang kesulitan atau perkara-perkara yang boleh menimbulkan perkara yang tidak menyenangkan, setiap kakitangan dan pelajar hendaklah sepanjang masa mempamerkan kad kakitangan/kad pelajar semasa berada di dalam Kampus. Mereka yang tidak mempunyai kad yang berkenaan hendaklah mendapatkan kad yang baru;
- 3.3 Mereka yang tidak memakai atau mempamerkan kad kakitangan/kad pelajar/kad pelawat boleh dihalang oleh Pihak

Keselamatan UPM daripada memasuki kawasan Kampus UPM atau akan diarahkan keluar daripada kawasan Kampus UPM.

#### **4. Pintu Masuk**

Bagi tujuan penguatkuasaan peraturan ini, kawalan keselamatan di pintu masuk Kampus akan diperketatkan dan langkah-langkah keselamatan yang lain akan dipertingkatkan dari semasa ke semasa termasuk menahan mereka yang tidak mempunyai kad yang berkaitan di pintu masuk UPM.

#### **5. Penyampaian**

Semua Ketua Pusat Tanggungjawab adalah diminta memberi kerjasama untuk menyampaikan pekeliling ini kepada semua kakitangan/pelajar/mereka yang akan berurusan dengan Pusat Tanggungjawab masing-masing.

Yang benar,

**(WAN AZMAN BIN WAN OMAR)**  
**Pemangku Pendaftar**  
**Universiti Putra Malaysia**

Edaran : Semua Dekan/Pengarah/Pengetua

Salinan : Naib Canselor  
Timbalan-Timbalan Naib Canselor